



**PROGRAM
SUBSIDI PETROL**

- Dilaksana Januari 2020
- Membabitkan 2.86 juta penerima BSH
- RM30 sebulan bagi kereta
- RM12 sebulan bagi motosikal
- Bantuan tunai dikreditkan ke akaun penerima empat bulan sekali

MSTO

PROGRAM SUBSIDI PETROL

Duit masuk terus

Oleh Hairulazim
Mahmud
azim@hmetro.com.my

Putrajaya

dalam akaun

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan 1600cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1600cc yang berjangka hayat 10 tahun dan ke atas layak menerima Program Subsidi Petrol (PSP) seperti diumumkan kerajaan, semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, manakala kategori motosikal yang layak ialah motosikal 150cc dan ke bawah dan motosikal melebihi 150cc yang berusia tujuh tahun dan ke atas.

Katanya, kadar subsidi ialah RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal membabitkan seramai 2.86 juta penerima.

"Program subsidi petrol bersasar ini akan dilaksanakan pada Januari 2020



Program subsidi petrol ini akan menyalurkan bantuan tunai yang akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap empat bulan sekali"

Saifuddin Nasution Ismail

TA ASAS JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)



KERETA (AKTIF)

11.6 JUTA

MOTOSIKAL (AKTIF)

6.8 JUTA



SAIFUDDIN memberikan penjelasan mengenai Program Subsidi Petrol di Putrajaya, semalam.

dan harga petrol RON95 akan diapungkan dan harga akan diselaraskan secara beransur-ansur.

"Program subsidi petrol ini akan menyalurkan bantuan tunai yang akan di-

kreditkan terus ke akaun penerima setiap empat bulan sekali.

"Ini membabitkan tang- gungan subsidi RM65.4 juta sebulan," katanya, pada si- dang media khas di kemen-

teriannya di sini, semalam.

Saifuddin berkata, untuk penduduk Sabah, Sarawak dan Labuan harga petrol RON95 kekal RM2.08, sekali gus tidak layak menerima PSP.

Katanya, prinsip bantuan yang hendak disampaikan oleh kerajaan ialah melalui pengagihan semula subsidi yang saksama dan penggu- balan dasar berpandukan data yang diperoleh dari-

pada data asas BSH dan Ja- batan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Orang ramai boleh men- dapat maklumat lanjut me- ngenai PSP di laman web psp.kpdhhep.gov.my.

Cadangan senarai sama M40

Putrajaya: "Saya akan membawa kepada Kabinet syor supaya golongan M40 turut menikmati subsidi ini pada masa akan datang," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata, langkah itu boleh dilaksanakan menggunakan wang penjimatan daripada Program Subsidi Petrol (PSP) apabila ia berkuatkuasa pada Januari 2020.

Beliau mahu bukan saja golongan B40 memperoleh subsidi itu, malah berhasrat melanjutkannya kepada M40.

"Ini adalah program petrol berdasar dan jika ditanya kepada saya, wang yang diijamatkan daripada PSP itu, saya mahu M40 juga menikmatinya.

"Saya akan bawa ke Ka-

KRITERIA KELAYAKAN PEMILIKAN KENDERAAN

KADAR SUBSIDI



Motosikal
RM12
SEBULAN



Kereta
RM30
SEBULAN



Kereta **1,600cc** dan ke bawah

Kereta **melebihi 1,600cc** yang berumur **10 tahun** dan ke atas

Motosikal **150cc** dan ke bawah

Motosikal **melebihi 150cc** yang berumur **7 tahun** dan ke atas

INFOGRAFIK Metro

INFOGRAFIK Metro

binet perkara ini," katanya. Dalam pada itu, Saifuddin berkata, subsidi tidak akan diberikan jika harga petrol RON95 berada di bawah

RM2 seliter. Katanya, objektif subsidi bagi membantu rakyat apabila harga petrol tinggi. "Oleh itu, subsidi tidak di-

berikan apabila harga petrol berada pada kadar yang berpatutan," katanya. Kerajaan mengemukakan PSP bagi menggantikan me-

kanisme penetapan harga petrol yang diamalkan sekarang apabila semua pengguna menikmati subsidi secara pukal.

Harga petrol diumumkan setiap minggu dan bermula 1 Januari 2020, harga RON95 akan diapungkan secara berperingkat-peringkat.